

DATE	26/9/2012	SECTION	National
PAGE	9	COLUMN	Semasa

28 jemaah haji Labuan berlepas ke Tanah Suci


LABUAN: Seramai 22 daripada 28 bakal jemaah haji Labuan berlepas ke Kota Kinabalu tengah hari kelmarin bagi meneruskan pejalananan ke Mekah untuk menunaikan fardu haji.

Menurut jurucakap dari Lembaga Tabung Haji Wilayah Persekutuan Labuan, mereka terdiri daripada 16 lelaki dan 12 wanita. Manakala enam lagi jemaah haji yang lain akan berlepas ke tanah suci pada 7 Oktober ini.

Katanya, semua jemaah haji berkenaan dijangka kembali semula ke Labuan pada 16 November depan.

Sementara itu, Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Yunus Kurus bersama isteri Datin Dayang Punggut turut berada di Lapangan Terbang Labuan untuk mengucapkan selamat jalan kepada jemaah haji tersebut.

Turut sama mengucapkan selamat jalan ialah, Naib Ketua Umno Bahagian Labuan, Datuk Bashir Alias, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa), Labuan, Rahimah Lamat, Timbalan Ketua Usia Bahagian Labuan, Haji Abdul Rahman Haji Lamudin serta beberapa ketua-ketua kampung dan ahli keluarga jemaah haji. -Oleh JAINUDDIN DJIMIN (jainuddin@newsabahtimes.com.my)



PILU... Sebahagian daripada ahli keluarga yang turut mengucapkan selamat jalan kepada jemaah haji.

DATE	26 / 9 / 2012	SECTION	National
PAGE	9	COLUMN	Samasa



SELAMAT JALAN... Yunus (dua dari kiri) dan Bashir (kanan) mengucapkan selamat jalan kepada bakal haji di lapangan terbang Labuan, tengah hari kelmarin.